


Bantogen

CERITA RAKYAT SABAH



Azmah Nordin



DBP

Bantogen

CERITA RAKYAT SABAH

Azmah Nordin

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2015

Novel ini dipadankan daripada cerita rakyat Sabah yang sama judul, dalam koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah.

KK 398-5211-0109-3102

Cetakan Pertama 2009

Cetakan Kedua 2015

© Azmah Nordin 2009

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-
Penerbitan

Azmah Nordin, 1958-

Bantogen / Azmah Nordin.

ISBN 978-983-46-0109-6

1. Folk literature, Malay--Sabah. I. Judul.
398.20959521

Dicetak oleh

Percetakan Haji Jantan Sdn Bhd

No. 12, Jalan 4/118C

Desa Tun Razak

56000 Cheras

Kuala Lumpur

BAB 1



Puteri Jana

Pada zaman dahulu, tersebutlah kisah seorang puteri daripada keturunan suku Bajau Laut. Namanya ialah Puteri Innalang Intanku atau lebih dikenali dengan panggilan Puteri Jana. Puteri Jana tinggal bersama-sama keluarganya di istana bertingkat tiga, di atas kapal 12 tiang layar, negeri terapung, Bembaran. Lebih kurang 80 orang daripada pelbagai lapisan pangkat menjadi penghuni dan petugas tetap istana bertingkat tiga itu. Mereka terdiri daripada nakhodanya sebagai pemerintah dan para kelasi termasuk semua ahli keluarga mereka.

Kali ini kapal 12 tiang layar itu telah memasang sauhnya agak jauh dari persisiran pantai Sabah. Negeri

terapung itu diperintah oleh kakanda sulungnya, Baginda Inayunan. Puteri Jana merupakan puteri yang kelima daripada empat saudara lelakinya. Putera Bantogen merupakan adinda kembarnya yang lebih muda daripadanya hanya beberapa minit sahaja.

Suatu hari, selepas selesai menunaikan solat subuh, Puteri Jana berteleku menopang dagu di tepi tingkap kamar peraduannya. Wajahnya terus berkerut-kerut menahan rasa sakit yang lahir daripada jiwanya. Terasa segala-galanya tegang – setegang hatinya. Adapun musim kemarau ini suasana subuhnya taram-temaram. Di langit, gerombolan awan hitam seperti mengarak malapetaka dalam kehidupan seluruh rakyat negeri terapung, Bembaran.

Arus gelombang di luar sana berpusar-pusar liar. Arus itu ternyata cukup kuat untuk mencabut rumpai laut daripada terumbu karang dari dasar laut. Kini rumpai-rumpai laut itu kelihatan terapung-apung digulung gelombang.

“Aduhai! Gelombang laut ini macam gelombang yang melarikan semangatku sahaja,” desis Puteri Jana, tanpa sedar. Dia terus tertekan oleh kejutan yang amat dahsyat.

Angin berpusar-pusar, menggila-gila. Angin itu terus-terusan menampar kapal. Layar-layarnya telah digulung dan diikat pada keenam-enam tiang kapal.

Angin itu juga turut berpuing-puing kasar di celah kapal jungkang, kapal dagang, kapal perang, kapal tunda, dan perahu *kumpit* – semuanya itu milik kerajaan negeri terapung, Bembaran.

Pemandangan antara kapal 12 tiang layar dengan kapal-kapal tersebut tidak ubah seperti ikan paus yang memancutkan air melalui lubang pernafasan di kepalanya sambil bergerak diiringi anak-anaknya. Daripada kapal-kapal itulah rakyat negeri ini mencari rezeki siang dan malam. Di sana mereka tidur, di sana mereka memasak dan makan. Mereka turut berkahwin dan beranak pinak serta meninggal dunia di sana. Semua pengangkutan itu berlainan bentuk, saiz, dan rupa bersesuaian dengan taraf kedudukan pemiliknya dalam kerajaan negeri terapung itu.

“Hmm ... semuanya berwarna-warni dan indah,” bisik Puteri Jana lagi, tersendu keharuan.

“Namun ... ” terkedip-kedip matanya. Wajahnya pucat, biarpun rapi didandan dengan pucuk *biabas*, pucuk *puhung*, kulit *baujan*, *sumping malul* yang telah ditumbuk oleh Si Suli, dayang peribadinya itu, sebelum dicampurkan dengan tepung beras untuk dijadikan bedak sejuk. Bibirnya agak pucat biarpun telah digincu dengan kunyahan sirih pinang dan kapur untuk memerahkannya. Angin subuh menolak kasar langsir jendela kamar peraduannya seperti

mengasak-asaknya supaya segera bertindak.

"Memang semuanya berwarna-warni, macam suasana di istana terapung ini juga," kata Puteri Jana lagi – sendirian.

Namun kini semuanya terumbang-ambing dilanda laut yang bergelora – tidak keruan. Terasa kapal 12 tiang layar itu begitu sempit. Nafasnya sesak. Dadanya sebak. Dia sungguh-sungguh terdesak; ditusuk kesal, marah, kecewa, dan serba salah. Semuanya seperti menikam dan mewabak ke ruang hati, jiwa, dan kepalanya.

"Hmmm, betulkah kata orang, besar kapal besar gelombangnya? Betulkah kata orang, makin tinggi pangkatnya, makin banyak pula masalahnya?" Sesungguhnya, dia sendiri tidak tahu lagi.

"Tapi, anakanda nak ikut juga," rungut Puteri Jana, bosan ditinggalkan selalu.

"Kalau anakanda ikut, siapa pula nak perhatikan Putera Bantogen?" titah ibundanya, Permaisuri Kumala Intanku Berlian setiap kali sebelum berangkat menemani ayahandanya, Tuminaman Sa Rogong yang terpaksa mendapatkan rawatan kesihatannya di negara jauh.

"Ah, Putera Bantogen lagi! Kerana Putera Bantogen, anakanda selalu ditinggalkan," dengus Puteri Jana geram.

"Itulah, ibunda nak tunangkan anakanda dengan Datu Maririndu dari negeri Minantara dahulu anakanda tak mahu. Kalau tidak, ada juga kawanmu apabila kami berpergian begini. Hah, sekarang merungut pula dia apabila tidak dibawa bersama-sama," keluh ibundanya.

"Ibunda, siapa yang mahu dijodohkan dengan lelaki yang tidak dikenali?" tingkah Puteri Jana.

"Habis, waktu dia dan rombongannya datang meminang dahulu anakanda pergi bersembunyi di bawah katil! Jadi, macam mana hendak mengenali dia?" balas ibundanya, kebosanan.

"Banyak kali sudah anakanda berbuat demikian, malah setiap kali orang datang meminang!" kata ibundanya lagi.

"Anakanda belum bersedia, ibunda," tegas Puteri Jana ringkas sambil memasamkan muka.

"Tak mengapalah," balas ibundanya sambil terjenguk-jenguk ke arah ayahandanya yang bersedia untuk berangkat ke negara jauh dengan kapal lima tiang layar diraja itu. Sebelum bergegas pergi, ibundanya berpesan lagi, "Ingat, jaga adindamu Putera Bantogen baik-baik."

Alangkah baiknya kalau ibunda tidak berpesan begitu! Dia tahu bahawa tanggungjawab itu harus dipikulnya sama ada suka ataupun tidak. Dia harus

Puteri Jana sanggup menggadaikan nyawanya dengan menyamar sebagai lelaki untuk mempertahankan maruah adik kembarnya dan menyelamatkan negaranya. Walaupun menghadapi pelbagai rintangan, Puteri Jana tetap tabah demi Bantogen yang akhirnya turut membawa kebahagiaan untuk dirinya juga.

RM10.80

ISBN 978-983-46-0109-6



9 789834 601096

01080

